

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jumlah kanak-kanak yang telah menjadi anak yatim akibat COVID-19 dan langkah Kementerian dalam penjagaan dan kebajikan kanak-kanak ini mengikut pecahan mereka yang kehilangan ibu dan ayah, kehilangan kedua-duanya dan/atau kehilangan penjaga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
WAN ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN NO. 50

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah terkini anak yatim dan anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 dan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membantu mereka daripada segi kewangan dan/atau emosi agar masa depan mereka terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 4

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan :-**

- (a) Data terkini kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa atas kematian COVID-19; dan
- (b) Jelaskan secara terperinci berkenaan sokongan moral dan jagaan ke atas kanak-kanak tersebut demi memastikan kesihatan dan keselamatan mereka terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 3

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan menyeluruh Kementerian bagi membela nasib golongan kanak-kanak yang telah kematian ibu bapa mereka disebabkan oleh virus COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 52

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan anak yatim dan yatim piatu yang kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya akibat COVID-19 serta pelan perlindungan khusus oleh Kementerian seperti trauma kaunseling dan juga kebajikan-kebajikan lain termasuk pewarisan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada YB Segambut bersekali dengan pertanyaan YB Pandan bertarikh 23 September 2021, YB Balik Pulau bertarikh 5 Oktober 2021, YB Kemaman dan YB Merbok bertarikh 11 Oktober 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak yang telah kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya disebabkan pandemik COVID-19 dan memerlukan pembelaan sewajarnya.

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga 13 September 2021, seramai 4,422 orang murid sekolah di bawah KPM telah kehilangan ibu / bapa atau penjaga akibat COVID serta menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat wabak COVID-19 sejak pandemik ini melanda negara. Sebanyak 154 orang yang merupakan kehilangan kedua-dua ibu dan bapa.

Kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah bagi memberi bantuan serta sokongan kepada kanak-kanak seperti berikut:

- i. Pemberian bantuan kewangan bagi menampung keperluan hidup kanak-kanak dan anggota keluarga kanak-kanak. Jenis bantuan yang diberikan adalah Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Kanak-Kanak. Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan Negara 2021 pada 6 November 2020 telah bersetuju menaikkan kadar bantuan bulanan di bawah skim Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Pesakit Terlantar kendalian JKM. Bagi kanak-kanak berusia bawah 7 tahun, kanak-kanak layak menerima RM200 seorang manakala bagi kanak-kanak berusia 7 tahun ke atas akan memperolehi bantuan sebanyak RM150 bagi seorang kanak-kanak. Untuk pertama kalinya juga kadar bantuan maksimum

SOALAN NO. : 4, 50, 4, 3, 52

kanak-kanak dinaikkan daripada RM450 sekeluarga kepada RM1,000 sekeluarga.

- ii. Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak yang menghadapi tekanan emosi akibat kehilangan ibu bapa atau penjaga. Bantuan kaunseling turut diberikan kepada anggota keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Antara perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah:
 - a) Intervensi Psikologi dan Kaunseling, seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Terapi Psikologi;
 - b) Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Intervensi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma, *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology* dan *Psychology First Aid* (PFA); dan
 - c) Psikopendidikan, Program Psiko-*Spiritual* serta *Art Therapy*.
- iii. Kanak-kanak boleh ditempatkan di institusi JKM sekiranya kanak-kanak tidak mempunyai waris atau saudara mara yang boleh menjaga mereka berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak akan diambil perintah sementara melalui mahkamah dan diletakkan sama ada kepada keluarga ganti/Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS) atau institusi tempat selamat. Sebanyak tujuh (7) Institusi JKM telah ditetapkan mengikut Zon untuk jagaan dan perlindungan kanak-kanak yang kehilangan ibubapa akibat COVID-19. Bagi Zon Utara, Rumah Kanak-kanak (RKK) Pokok Sena, Kedah dan Taman Seri Puteri (TSP) Batu Gajah, Perak. Institusi Taman Seri Puteri Cheras, Selangor dan Rumah Budak Lelaki (RBL) Melaka diletakkan sebagai Zon Tengah dan Zon Timur adalah RKK Mini Kelantan. Manakala bagi institusi di Sabah ialah Taman Seri Puteri Kota Kinabalu dan Sarawak, Taman Seri Puteri, Kuching.
- iv. Menjalankan kerjasama dengan ahli komuniti setempat seperti Ketua Kampung, Sukarelawan dan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) serta Komuniti Rukun Tetangga untuk memberi bantuan dan sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak dan ahli keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Sebagai makluman, Kementerian telah

SOALAN NO. : 4, 50, 4, 3, 52

melaksanakan pelantikan kepada 140 buah Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang merangkumi 983 orang ahli PPKK bagi sesi 2021 hingga 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas dan tanggungjawab dalam membantu kanak-kanak yang telah kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 bukan hanya terletak kepada JKM semata-mata. Penglibatan pelbagai termasuk komuniti setempat amat penting untuk memberi galakan sokongan kepada anggota keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu keluarga, OKU dan masyarakat yang terjejas dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan yang mendalam dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat kita. Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Kementerian dalam tempoh pemulihan ekonomi ini bagi meningkatkan ekonomi dan sosial serta kebajikan rakyat. Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

1. KENAIKAN BANTUAN:

- Bantuan Kanak-Kanak (BKK): 7 tahun ke bawah: RM200/seorang;
- Bantuan Kanak-Kanak (BKK): 7 tahun ke atas: RM150/seorang;
- Bantuan Kanak-Kanak (BKK): RM450 kepada RM1,000 sekeluarga;
- Penjaga Warga Emas: RM350 kepada RM500;
- OKU Tidak Upaya Bekerja: RM250 kepada RM300;
- Program Khidmat Bantu Di Rumah: RM150 kepada RM400;
- Penjaga OKU/Pesakit Terlantar: RM350 kepada RM500;
- Elaun Pekerja OKU: RM400 dinaikkan kepada RM450;
- Elaun Pekerja OKU: paras gaji maksimum dinaikkan RM1,200 kepada RM1,500;
- Pelepasan Cukai Pasangan OKU: RM3,500 kepada RM5,000;
- Elaun Petugas PDK: RM800 kepada RM1,200;
- Elaun Penyelia PDK: RM1,200 kepada RM1,500; dan
- Pengoperasian PAWE : RM33,330 kepada RM50,000.

2. BANTUAN KHAS KEPADA PENGUSAHA TASKA:

Di bawah PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara): Sebanyak 2,623 buah TASKA bernilai RM12.15 juta dan di bawah Pakej PEMULIH ialah sebanyak RM7.26 juta telah diluluskan.

3. PENUBUHAN TASKA OKU:

Perbelanjaan untuk penubuhan dan pengoperasian 7 TASKA dengan nilai RM2.19 juta diluluskan.

4. BANTUAN KHAS IBU TUNGGAL:

Di bawah inisiatif PENJANA: Sebanyak 140,560 permohonan yang berjaya dengan dana yang disalurkan ialah RM42.17 juta. Walau bagaimanapun, bantuan bulanan JKM masih boleh dimohon berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI WANITA

- Literasi Kewangan untuk Wanita melibatkan 43,283 wanita;
- Kolaborasi Strategik bersama (MEDAC);
- *Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET)*;
- Program INSKEN *Bumiputera Business Coaching (IBBC)*;
- Kolaborasi Strategik JPW bersama TalentCorp (peluang pekerjaan);
- Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita (ONLINE); dan
- Program Karnival Kerjaya & Usahawan Wanita Peringkat Negeri.

6. PROGRAM KEMAHIRAN

- Sebanyak 523 program telah dilaksanakan bagi Januari-Ogos 2021;
- Seramai 254,141 wanita telah mendapat manfaat; dan
- JPW juga turut menjalankan program Pemerkasaan Ibu Waja.

7. PROGRAM KESEIMBANGAN

- Skuad Waja –132 program dengan 2,051 orang individu disantuni;
- Masjid Sebagai Pusat Perlindungan Sementara Mangsa KRT;
- Legal Clinic – 105 program telah dijalankan melibatkan 77,301 orang; dan
- De Stress –119 program dengan peserta seramai 118,782 orang.

8. BANTUAN KEWANGAN KHAS OKU (PAKEJ PEMULIH)

- RM30 juta telah dan memberi manfaat kepada 20,000 OKU;
- 4,276 OKU telah diluluskan untuk bayaran mulai September yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6.5 juta; dan
- Permohonan selepas 6 Ogos 2021 telah diproses dan diangkat untuk kelulusan Pegawai Pengawal.

9. BANTUAN BAKUL MAKANAN

- Berjumlah RM173.4 juta – 15 Juta isi rumah mendapat manfaat; dan ini adalah termasuk peruntukan sebanyak
- RM300 ribu kepada setiap ahli parlimen berjumlah RM66.6 juta.

10. TELEKAUNSELING TALIAN KASIH 15999

- 8 Mac 2020 – 16 Sept 2021, Jumlah Keseluruhan: 6,946.
- Seramai 250 orang Sukarelawan Kaunselor yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia.
- Kementerian juga turut bekerjasama dengan KKM & JAKIM sebagai sokongan kepada usaha Intervensi Psikososial & Psikospiritual.

11. INTERVENSI PSIKO-SOSIAL SEMASA PANDEMIK COVID-19 (DI MEDIA MASSA)

- Rancangan khas di Selamat Pagi Malaysia Lembaga Kaunselor menyediakan kandungan dan ahli panel dan sebanyak 13 program dengan anggaran penonton 1.5-1.9 juta orang telah dijalankan.

12. MENINGKATKAN PENDAFTARAN VAKSIN WARGA EMAS DAN OKU

- Sukarelawan di bawah KPWKM dan Agensi di bawahnya seperti Sukarelawan JKM, Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah, Skwad Prihatin Negara, Skwad Waja dan Sukarelawan Yayasan Kebajikan Negara yang berjumlah seramai 15,000 orang sukarelawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana pencapaian terkini Kementerian untuk mensasarkan 11 ribu kaunselor profesional dilahirkan bagi tahun 2020 agar dapat menyeimbangkannya dengan nisbah penduduk yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 2018 pernah menyasarkan negara bakal memiliki sejumlah 11,000 kaunselor berdaftar menjelang 2020 iaitu nisbah seorang kaunselor bagi setiap 2,945 penduduk (1: 2,945). Ketika itu, KPWKM hanya merekodkan seramai 8,039 kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor iaitu nisbah seorang bagi setiap 4,030 penduduk (1: 4,030).

Sehingga 31 Ogos 2021, KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah berjaya mendaftarkan seramai 9,618 kaunselor berdaftar. Jumlah ini telah dapat mengecilkan nisbah seorang kaunselor berdaftar dengan bilangan penduduk iaitu seorang kaunselor berdaftar kepada 3,327 penduduk (1: 3,327).

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor akan terus mempertingkatkan usaha untuk menambah bilangan kaunselor berdaftar bagi menampung keperluan semasa. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti:

- Menambah baik proses urusan pendaftaran kaunselor dengan melaksanakan Tindakan seperti menerima permohonan secara dalam talian dan sesi pengesahan kelayakan kaunselor dilaksanakan secara dalam talian;
- Menggalakkan penambahan penawaran program latihan kaunselor di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta; dan
- Memberikan fleksibiliti berhubung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi sejajar dengan perintah kawalan pergerakan semasa krisis COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nor Azrina Binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan Pusat Jagaan mempunyai kebolehan dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19 mengikut Seksyen 7(f) Bahagian II Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021. Sehingga kini, seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa telah dilantik sebagaimana peruntukan Akta 342 tersebut.

JKM bertanggungjawab untuk memantau semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi semasa tempoh pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain daripada pemantauan berkala yang dilakukan pada setiap 6 bulan. Selain daripada itu, JKM juga telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan.

Berikut adalah jumlah pemantauan yang telah dilakukan ke atas Pusat Jagaan berdaftar:

- a) 868 pemantauan pematuhan SOP COVID-19, dan
- b) 1,401 penilaian sendiri melalui Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC).

Bagi memastikan semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi dengan baik terutama sepanjang tempoh pandemik COVID-19, JKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman dan Harian). Program latihan berkaitan pengoperasian dan pengurusan Pusat Jagaan turut dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan Pusat Jagaan berkenaan.

Garis panduan ini bertujuan memastikan penularan jangkitan penyakit COVID-19 dapat dicegah di pusat jagaan, pengoperasian pusat jagaan dapat dikendalikan dengan baik, dan bagi memastikan pengendali Pusat Jagaan bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan penghuni pada setiap masa.

Sehingga Jun 2021, sebanyak 58 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar dan sebanyak 14 tindakan lak telah dilaksanakan. Bagi memantapkan bidang penguatkuasaan Jabatan, latihan kepakaran sentiasa diberikan kepada Pegawai DiBeri Kuasa dengan kerjasama agensi-agensi luar seperti kerjasama bersama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bagi tahun 2021, sebanyak 7 latihan melalui Pelan Operasi Latihan (POL) telah dan akan dilaksanakan kepada Pegawai DiBeri Kuasa.

Bagi menampung kos penjagaan kesihatan penghuni pusat jagaan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan peruntukan sebanyak 20 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN). Peralatan kesihatan yang disediakan di bawah peruntukan ini seperti pelitup muka, *hand sanitiser*, alat pengukur suhu badan, dan peralatan *disinfection detergents*. Sebanyak 1,529 PSK telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

Selain daripada itu, salah satu inisiatif yang diambil dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah dengan membenarkan hanya pusat jagaan yang berdaftar mengakses sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) iaitu *COVID-19 Intelligence Management System (CIMS)* bagi mendapatkan kebenaran merentas daerah atau negeri.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan terpelihara sepanjang PKP menerusi pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. SHAMSUL
ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana tahap sistem bantuan psikologi di Malaysia ini membantu dan memainkan peranan dalam keadaan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan percaya dan yakin semua daripada kita terkesan dengan pandemik COVID-19 yang berlaku pada masa ini, kerana ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh itu kerajaan melalui pelbagai agensi dan pihak yang memberikan kerjasama sentiasa mementingkan keperluan sokongan psikologi kepada masyarakat yang memerlukan. Bantuan sokongan psikologi ini adalah penting untuk membantu masyarakat merasa lebih baik ketika menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19 dan seterusnya mencapai pertumbuhan positif dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor sentiasa menggiatkan usaha kesediaan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psiko-sosial bagi mengurangkan kesan psikologi yang di alami oleh masyarakat. Perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial telah dilaksanakan secara berterusan sejak bermulanya pandemik melalui pelbagai cara dan medium. Antaranya seperti khidmat sokongan psikologi dalam talian dan program sokongan psiko-sosial melalui media elektronik dan media cetak serta media sosial. Petugas barisan hadapan juga sentiasa menyantuni mangsa-mangsa yang terjejas di lapangan akibat COVID-19 bagi memberikan bantuan sokongan emosi dan psikologi.

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan kaunselor berdaftar sebagai sukarelawan kaunselor berdaftar. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar merupakan satu entiti formal bagi membantu masyarakat menangani isu psikososial dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat melalui khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan melaksanakan program sokongan bantu mula psikologi kepada mangsa dan waris yang terkesan.

Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental

serta menyampaikan panduan (tips) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021.

Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah. Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

Memandangkan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19, KPWKM telah menyediakan program penjana pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1. Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC);
2. Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita); dan
3. Program Bantuan MyKasih Kapital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pada tahun 1995, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan telah meratifikasikan beberapa perkara dalam konvensyen tersebut tetapi Malaysia telah menetapkan reservasi terhadap Perkara 7 Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 17 Februari 1995 dengan reservasi ke atas 12 Artikel. Pada 9 Disember 1998, Kerajaan telah menarik balik reservasi ke atas 5 artikel. Manakala pada 19 Julai 2010, reservasi terhadap 3 artikel telah ditarik balik. Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan reservasi ke atas 5 Artikel CRC berdasarkan ketidakselarasan dengan Perlembagaan Persekutuan, termasuklah Artikel 7 berkenaan isu nama dan kewarganegaraan. Untuk perhatian Yang Berhormat, perkara-perkara yang berkaitan Artikel 7 ini melibatkan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[KAMPAR]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dengan secara terperinci jumlah dan statistik kes-kes bunuh diri dan keganasan rumah tangga semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020 sehingga kini. Apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk menghulurkan pertolongan atau bantuan apabila menghadapi tekanan hidup akibat pelaksanaan PKP ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes cubaan bunuh diri yang diperolehi dari Kementerian Dalam Negeri bermula dari Mac sehingga Disember 2020 ialah 190 dan dari Januari 2021 sehingga Ogos 2021 ialah 221.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengendalikan sejumlah 1,578 kes keganasan rumahtangga di seluruh negara sejak Mac 2020 sehingga kini yang melibatkan 1,432 perempuan dan 146 lelaki.

KPWKM memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian tinjauan oleh KPWKM mendapati sokongan sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung oleh ancaman pandemik COVID-19.

Dalam menangani krisis jiwa dan mental kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan kesan wabak COVID-19, KPWKM telah menyediakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- Khidmat Aduan Atas Talian melalui Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.

- Khidmat Sokongan Psikologi Atas Talian bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan. Talian Khas ini melibatkan seramai 250 orang sukarelawan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia.
- Sokongan Kelangsungan Hidup dalam bentuk:
 - Pemberian Bakul Makanan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.
 - Pemberian Bakul Prihatin Negara merupakan satu program yang dilaksanakan secara kerjasama pintar berkonsepkan “*Whole of Society*” antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara. Peruntukan untuk BPN adalah sepenuhnya daripada syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON (co), Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby.
 - Mempercepatkan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 penerima bantuan.
- Sokongan Sosial dalam bentuk pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home help services*) yang bercorak *reaching out* kepada warga emas sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19 juga telah diadakan.
- Sukarelawan Skwad WAJA juga turut melaksanakan aktiviti psikososial dalam komuniti meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak- pihak berkaitan. Di samping itu Skwad WAJA juga menjalankan advokasi mengenai keselamatan dan perlindungan wanita di peringkat komuniti. Sejak Januari hingga 31

Ogos 2021, sebanyak 430 kes telah berjaya dibimbing oleh sukarelawan skuad WAJA. Antara kes-kes tersebut termasuklah kes keganasan rumahtangga, gangguan seksual, rogol, cabul dan jenayah siber. Pada ketika ini, jumlah sukarelawan Skuad WAJA adalah seramai 2,076 orang.

- Pelaksanaan program berbentuk advokasi seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik dan media cetak dalam menangani isu-isu psiko-sosial. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental serta menyampaikan panduan (*tips*) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021.
- Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah.
- Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) Komitmen Kementerian memanjangkan bantuan pengudaraan, penapis HEPA dan saringan COVID-19 kepada pusat penjagaan warga emas, taska dan pusat penjagaan kanak-kanak; dan
- (b) Pelan Kementerian untuk memudahkan urusan pengendalian sokongan dan pembelajaran kanak-kanak kelainan upaya secara on-site, sebagaimana dilaksanakan di Singapura

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa menitikberatkan keselamatan kumpulan sasar Jabatan terutamanya di TASKA dan pusat jagaan warga emas yang berdaftar di JKM dengan menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

JKM melalui Pegawai DiBeri Kuasa memantau Pusat Jagaan berdaftar bagi memastikan kebajikan, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin. Pusat Jagaan yang berdaftar akan sentiasa menerima khidmat nasihat daripada JKM dan agensi teknikal.

Prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan oleh JKM untuk memastikan keselamatan kanak-kanak yang ditempatkan di Pusat Jagaan kanak-kanak dalam keadaan selamat dan sejahtera adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 dan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman dan Harian).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perkhidmatan TASKA dan Pusat Jagaan beberapa inisiatif telah diambil antaranya:

- i. Pada 28 Mei 2021 dan 13 Julai 2021, Kementerian ini telah menghantar surat permohonan yang mengandungi senarai 8074 pengasuh dan petugas di TASKA kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) agar memberi keutamaan mendapatkan suntikan vaksin COVID-19. Ini bertujuan untuk memastikan semua pengasuh dan petugas yang terlibat dengan penjagaan kanak-kanak dilindungi dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak;

- ii. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah membangunkan Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 bagi Keselamatan Warga TASKA yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 1 Jun 2020. Garis panduan ini bertujuan memastikan penularan jangkitan penyakit COVID-19 dapat dicegah di TASKA, pengoperasian TASKA dapat dikendalikan dengan baik, dan bagi memastikan pengusaha dan pengendali TASKA bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan kanak – kanak pada setiap masa.
- iii. Kerajaan juga melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020 telah memperuntukkan sebanyak RM35 juta kepada hampir 4000 pengusaha TASKA. Pemberian bantuan khas ini adalah untuk meringankan beban pengurusan TASKA dalam mematuhi Panduan Pencegahan (SOP) Penularan COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Antara kos operasi yang perlu ditanggung oleh pihak TASKA seperti disinfeksi/nyahkuman TASKA, peralatan penyukat suhu badan, bahan sanitasi, pelitup mulut dan hidung.
- iv. Sebagai tambahan daripada PENJANA Kerajaan sekali lagi mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021 sebanyak RM13.28 juta bagi tujuan yang sama.
- v. Bagi menampung kos penjagaan kesihatan penghuni pusat jagaan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan peruntukan sebanyak 20 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN). Peralatan kesihatan yang disediakan di bawah peruntukan ini sebagaimana yang telah ditetapkan untuk keperluan TASKA. Sebanyak 1,529 PSK telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

- b) Konvensyen mengenai Hak OKU (CRPD) menerusi Artikel 24 menyatakan bahawa OKU tidak dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas dasar ketidakupayaan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan program pemulihan dan pembelajaran bagi OKU dapat dilaksanakan dengan baik dan berterusan walaupun semasa negara berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19.

Bagi tujuan memudahkan urusan pengendalian sokongan dan pembelajaran kanak-kanak OKU secara *on-site*, JKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti pada 12 Ogos 2020. Garis panduan ini terpakai kepada 563 buah PDK dan turut disarankan untuk digunapakai oleh semua Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) atau Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang berdaftar dengan JKM khususnya menjalankan perkhidmatan intervensi awal dan pemulihan orang kurang upaya (OKU).

Antara ketetapan dan langkah-langkah yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan adalah merangkumi langkah:

- i. sebelum memulakan operasi dan semasa beroperasi;
- ii. amalan pencegahan dan kawalan semasa menghantar pelatih OKU di PDK yang perlu dipatuhi oleh penyelia, petugas serta ibu bapa sebelum menghantar, semasa ketibaan dan semasa menjemput pelatih OKU di PDK; dan
- iii. tindakan yang perlu dilakukan jika bergejala semasa berada di PDK dan sekiranya terdapat Ahli Jawatankuasa/ penyelia/ petugas dalam PDK disahkan positif COVID-19.

Bagi pelatih yang tidak dapat hadir ke PDK atas kekangan kurang upaya teruk, mereka akan diberi pemulihan di rumah melalui lawatan petugas mengikut jadual yang ditetapkan sekurang-

SOALAN NO. : 54

kurangnya sehari seminggu dan mematuhi SOP yang ditetapkan. Sebagai langkah keselamatan tambahan, PDK yang berada di Zon Hijau dan bersedia serta mematuhi SOP sahaja yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh menghadapi pandemik COVID-19.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Melalui Garis Panduan ini, KPM juga memfokuskan kepada panduan pengurusan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk memudahkan pengurusan MBK sama ada di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif. Panduan ini merangkumi pengurusan MBK semasa di sekolah, pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah (PdPR) dan perkhidmatan sokongan pendidikan khas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian ada menerima data kes-kes wanita-wanita yang terpaksa melacurkan diri demi sesuap nasi semasa pandemik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari kesan pandemik COVID-19 yang dihadapi oleh wanita terutama yang menjadi ketua keluarga yang mana berhadapan dengan kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan.

Walau bagaimanapun, sejak berlaku pandemik COVID-19 ini, KPWKM tidak menerima sebarang aduan, kes atau klien yang melibatkan wanita yang terpaksa melacurkan diri demi sesuap nasi semasa pandemik ini. Namun begitu, KPWKM ada menyediakan program penjanaaan pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

(i) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program penjanaaan pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti berikut:

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita dengan 791 penyertaan;
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais:
 - Status terkini, seramai 39 peserta daripada kohort pertama telah tamat latihan dan kini dalam proses padanan perniagaan (*business matching*) bersama pihak francaisor serta dokumentasi bagi bantuan pembiayaan daripada pihak; dan
 - Bagi kohort kedua, seramai 30 peserta melalui kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor telah mengadakan latihan dan dalam proses padanan perniagaan.
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC)
 - Seramai 21 peserta telah bersetuju untuk menyertai program IBBC JPW – *Tailoring/Fesyen* yang berlangsung selama 4 bulan bermula Jun hingga Oktober 2021; dan

- Program ini bermula dengan sesi seminar pada Jun 2021 dan diteruskan dengan sesi *one-to-one coaching* sebanyak 4 kali, sesi latihan bersama tenaga pengajar dan sesi lawatan tapak bagi memastikan keberkesanan program yang dijalankan.

(ii) Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)

Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:

- a. Program dilaksanakan sepanjang tahun;
- b. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 7 program telah dilaksanakan; dan
- c. 272 wanita telah berjaya mendapat pekerjaan.

(iii) Program Bantuan MyKasih Kapital:

- a. Satu inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- b. Merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga; dan
- c. Sehingga Ogos 2021, seramai 1,424 peserta telah menerima insentif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM712,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nor Azrina Binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengenal pasti pemilik Pusat Jagaan Warga Emas yang berlesen atau tanpa lesen mendaftarkan penghuni mereka untuk vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengemukakan sebanyak 389 buah Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua bagi golongan berisiko.

Mengikut statistik sehingga Ogos 2021, sebanyak 310 buah Pusat Jagaan Warga Emas telah menerima vaksinasi yang melibatkan 6,772 orang penghuni dan 2,321 orang kakitangan pusat jagaan tersebut.

Berdasarkan rekod daripada MOSTI sehingga 9 September 2021, sebanyak 3,307,761 warga emas yang telah mendaftar untuk menerima vaksin. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,290,257 telah menerima dos pertama dan seramai 3,000,992 telah menerima dos kedua.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pusat jagaan warga emas menerima Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi penghuni dan penjaga di premis mereka adalah melalui advokasi dan nasihat yang diberikan oleh Pegawai Diberi Kuasa semasa mereka melakukan pemeriksaan dan pemantauan ke pusat jagaan tersebut terutama semasa pemantauan pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19. Selain daripada itu, jaringan kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat turut dilakukan bagi mengesan pusat jagaan warga emas yang tidak berdaftar untuk menyertai PICK.

Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan MOSTI dalam pelaksanaan COVID-19 *Mobile Vaccination Unit* iaitu PPV yang menggunakan konsep unit bergerak atau *mobile team* bagi memastikan sasaran imuniti kelompok tercapai. *Mobile team* ini mengesan kumpulan sasar Kementerian seperti Orang Kurang Upaya

dan warga emas yang tidak mempunyai akses untuk hadir secara fizikal ke PPV.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terpelihara dan menggesa agar semua pusat jagaan yang masih belum berdaftar, untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN
[PAPAR]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha bersepadu Kementerian bersama-sama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri Sabah dalam memberi vaksinasi kepada golongan OKU dari kawasan luar yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh Sabah dan bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 24 Februari 2021 Kerajaan telah memutuskan pemberian vaksinasi kepada 13.7 juta penduduk berusia 18 tahun ke atas dalam memastikan penduduk Malaysia mencapai imuniti kelompok dan tiada yang tertinggal dalam menerima manfaat Program Vaksinasi COVID-19. Pendekatan Kerajaan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 80% penduduk dewasa Malaysia menerima vaksin menjelang Februari 2022 untuk mengurangkan penularan virus COVID-19 (sumber Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin - pada 10 Mac 2021).

Kementerian sentiasa melaksanakan libat urus dengan para pemegang taruh seperti KKM, MOSTI dan Kerajaan Negeri bagi memastikan pemberian vaksin kepada kumpulan sasar kementerian terutama golongan OKU tercapai. Kementerian juga turut melaksanakan pendampingan sosial kepada golongan OKU di luar bandar melalui kerjasama dengan pemimpin dan komuniti tempatan. Jentera Kementerian seperti Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah melaksanakan program advokasi kepada golongan OKU dan keluarga berhubung kepentingan mendapatkan vaksinasi.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan jaminan kepada OKU untuk mendapat vaksinasi COVID-19 walaupun mereka tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini adalah kerana 5 kaedah pendaftaran COVID-19 adalah menerusi pendaftaran di MySejahtera, laman sesawang khas vaksin, talian *hotline* khas, pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta atau menerusi program bantuan (*outreach*) bagi penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman

KPWKM turut menjalankan usaha secara bersepadu bersama-sama agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam memberi vaksinasi kepada OKU. Di kawasan luar bandar, program *outreach* disediakan kepada penduduk yang menghadapi kesukaran untuk hadir ke fasiliti kesihatan, melalui pasukan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak yang dikendalikan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

Di negeri Sabah, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menyantuni penduduk termasuk OKU di kawasan luar bandar dengan melaksanakan Program Pemberian Vaksin Bergerak (PPVB) melalui Pusat Keluarga Bergerak (PKB) LPPKN Sabah. Bermula 7 Ogos 2021, LPPKN telah menyertai Program PPVB secara *outreach* ke kawasan luar bandar di Sabah seperti di Inanam, Menggatal dan Telipok. Sehingga 30 Ogos 2021, seramai 4026 individu termasuk OKU telah menerima vaksin menerusi PPVB LPPKN Negeri Sabah.

Melalui kerjasama dengan KKM, KPWKM melalui JKM juga telah menyerahkan nama dan butiran asas seramai 446,000 OKU (25,807 atau 5.8% OKU dari Sabah) yang berdaftar dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Fasa Kedua kepada pihak KKM dalam usaha memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat menerima vaksin bagi mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*).

Selain itu, nama dan maklumat 80,000 OKU dan pesakit terlantar yang merupakan penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar juga turut dikemukakan kepada pihak KKM untuk proses vaksinasi secara *outreach*.

Program Mobilisasi Vaksin Bergerak atau MOVAK turut dilaksanakan melalui inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mulai bulan Jun 2021 secara berperingkat ke seluruh negara bagi membantu proses vaksinasi melalui PPV di negeri-negeri. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga mengadakan program vaksinasi secara bergerak terhadap penghuni dan warga emas di Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta penjaja kecil di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 7 Jun 2021 hingga 4 September 2021.

Setakat 9 September 2021, bilangan OKU di Malaysia yang telah menerima vaksin adalah seramai 503,562 orang dengan sekurang-kurangnya satu dos vaksin dan seramai 375,482 orang menerima dua dos

SOALAN NO. : 78

vaksin lengkap. Seramai 21,832 orang bagi negeri Sabah yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin dan 15,099 orang telah menerima dua dos vaksin lengkap.

Selain agensi kerajaan, pihak NGO juga memainkan peranan untuk membantu menyediakan PPV khas kepada golongan OKU misalnya inisiatif oleh Persatuan OKU Sentral di Kuala Lumpur dan Johor Bahru serta Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields. Pihak NGO di negeri juga boleh membantu dalam menjayakan program vaksinasi di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.